

Inspirasi

PUSAT PENDIDIKAN ASAS & LANJUTAN

Jabatan Bahasa dan Komunikasi
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan
Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan
Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris

Inspirasi

Penasihat

Dr. Abdul Hanis Embong

Ketua Pengarang

Dr. Mazlina Ahmad

Sidang Editor

Dr. Ismar Liza Mahani Ismail

Dr. Farah Hussan Sahib

Cik Zainebbeeви Kamalbatcha

Sidang Teknikal

Puan Chaizani Mohd Shamsudin

**Puan Halimatus Saadiah Abdul
Rahman**

Dr. Nur Jannah Jamil

Puan Hafizah Ab Hamid



“Inspirasi PPAL ini diterbitkan dua kali setahun.”

KANDUNGAN

INSPIRASI PPAL EDISI 3 2024

SIDANG PENGARANG	m/s	INOVASI	m/s
DARI MEJA KETUA PENGARANG	2	PENYELIDIKAN	54
BICARA INSPIRASI	5	PENERBITAN	60
IKON INSPIRASI	50	PASCASISWAZAH	63
PENYUCIAN JIWA	76	SEKALUNG TAHNIAH	73
	84	SELAMAT DATANG	80
			83

BERITA PPAL

	m/s
E-buletin PPAL, Inspirasi menerima e-ISSN	8
Program Pematapan dan Pengurusan Pentadbiran PPAL Tahun 2024	9
Program Minggu Siswazah dan Penyelidikan PPAL 2024	11
Kemenangan the PPALerss dalam Pertandingan Dikir Barat UMT	13
Hari Sukan @ PPAL Tahun 2024	14
Hari Inovasi PPAL 4.0: Membudayakan Inovasi Mentransformasi Institusi	16
Virtual Culture, Language & Environment Programme 2024 (VCLEP 2024)	18
UMT Terima Pengiktirafan Distinguished Partnership – Higher Learning Institutions	20
Simposium Pendidikan dan Ketamadunan (SPK2024)	22
Ibrah Tsunami: Program Komuniti bersama Warga MTT	24



AKTIVITI JABATAN

	m/s
Program Jalinan UMT dan Sekolah	26
Kolokium Antarabangsa Pengajian Melayu (KAPM 2024)	27
Program "Tahsin al-Quran"	29
Semangat Kemerdekaan Melalui Program "Malaysia Madani	30
Promoting 3R Practices Through The 'Earth Savers' Program	31
Bengkel Pengurusan Kewangan Untuk Usahawan Mikro Sahabat AIM	32
Birds of Terengganu: A Day of Discovery and Conservation	33



RIG @ PPAL

	m/s
Opening Doors to Discovery: Research Opportunities in Kg Pelandan, Kuala Berang, Hulu Terengganu	36
Menelusuri Seni Kreatif Alam Lestari Melalui Program 'little Nature Heroes' Bersama Quety Qeeds Preschool	37
Pemeriksaan Komuniti: Meningkatkan Literasi Lautan Melalui Tindakan Dalam Kalangan Penduduk Pulau Redang	39
English Programme 'SPM Oral Speaking (Paper II) Workshop'	40
SMASZAL Journey: English Skills Race & Pusat Islam Gallery Visit	41
Sepadu Madani Synergy Programme	42
Ceramah Membina Keluarga SAMARA: Memperkukuh Institusi Kekeluargaan	43
Program Pemindahan Ilmu "Tahsin al-Quran"	44



KEMBARA ILMU

	m/s
Program Pengabdian kepada Masyarakat di Gampong le Seum, Aceh	46
Bridging Nations Through Knowledge: Academic Engagements in Banda Aceh	48

PIHAK PENGURUSAN PUSAT PENDIDIKAN ASAS & LANJUTAN



BARISAN HADAPAN DARI KIRI KE KANAN:

PROFESOR MADYA DR. AZZA JAUHAR BINTI AHMAD TAJUDDIN (TIMBALAN DEKAN [AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR]), PROFESOR DR. ASYRAF BIN HAJI AB RAHMAN (DEKAN PPAL), DR. ABDUL HANIS BIN EMBONG (TIMBALAN DEKAN BAKAT DAN PENYELIDIKAN)

BARISAN BELAKANG DARI KIRI KE KANAN:

PUAN FAEZAH BINTI HAJI SALLEH (TIMBALAN PENDAFTAR), ENCIK MOHAMMAD MAHDI BIN ABAS (KETUA JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI), ENCIK AKBAR ALI BIN ABD KADIR (KETUA JABATAN ILMU DASAR DAN KEUSAHAWANAN), ENCIK WAN ZULKIFLI BIN WAN KASSIM (KETUA PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA INGERIS), PROFESOR MADYA DR. FIRDAUS KHAIRI BIN ABDUL KADIR (KETUA JABATAN KENEGARAAN DAN KETAMADUNAN, PUAN AINUR YUSHAZMIE BINTI AZAHA (PENOLONG PENDAFTAR)

DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Tirai tahun 2024 bakal melabuhkan layarnya, dan kita semua menutup lembaran tahun ini dengan rasa syukur serta harapan baru. Dalam perjalanan sepanjang tahun ini, kita telah menyaksikan pelbagai pencapaian, cabaran, dan detik-detik bermakna yang telah mewarnai kehidupan kita.

Edisi kali ini berkongsi pelbagai artikel menarik daripada kisah-kisah pencapaian yang telah kita raih bersama dalam merangka hala tuju bagi tahun mendatang. Setiap artikel yang dimuatkan di dalam edisi ini adalah cerminan usaha, dedikasi, dan semangat seluruh pasukan warga PPAL.



Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pembaca, penulis, dan penyumbang yang terus setia menyokong penerbitan ini. Sokongan dan kepercayaan anda menjadi pemangkin untuk kami terus melangkah maju dan menghasilkan kandungan yang berkualiti tinggi.

Tahun 2024 telah menjadi saksi kepada pelbagai perubahan dan peluang, dan kami berharap tahun 2025 akan membuka lebih banyak ruang untuk kita semua berkembang dan berjaya. Dengan semangat baharu, marilah kita terus melangkah bersama menuju masa depan yang lebih cerah dan penuh harapan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat menyambut tahun baharu kepada semua pembaca. Semoga tahun 2025 membawa kejayaan, kebahagiaan, dan keberkatan dalam setiap aspek kehidupan kita.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'DR. MAZLINA AHMAD', written in a cursive style.

DR. MAZLINA AHMAD
KETUA PENGARANG

BERITA PPAL



FOTO EHSAN: SATIMAN JAMIN

INSPIRASI PPAL | EDISI 3 2024

E-buletin PPAL, Inspirasi menerima e-ISSN

Disediakan oleh:
Dr. Ismar Liza Mahani Ismail

E-buletin memainkan peranan penting dalam mengumpul dan menyampaikan maklumat perkembangan terkini, serta mempromosikan pencapaian sesebuah fakulti meliputi pelbagai program flagship yang dilaksanakan di peringkat fakulti; aktiviti yang dijalankan di peringkat jabatan mahupun RIG (Research Interest Group), perkembangan pelajar pascasiswazah serta pencapaian fakulti dalam penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

Edisi pertama e-buletin PPAL, Inspirasi telah diterbitkan pada Disember 2023 secara dalam talian melalui laman web PPAL. Inspirasi ini diterbitkan dua kali setahun. E-buletin PPAL, Inspirasi ini telah memperoleh perakuan pendaftaran International Standard Serial Number (e-ISSN) 3030-6256 pada 29 Ogos 2024 yang lalu. ISSN, merupakan nombor identifikasi yang diberikan kepada terbitan berkala termasuk majalah, surat khabar, newsletter (warta), buku tahunan, laporan tahunan dan prosiding. e-ISSN (International Standard Serial Number) untuk penerbitan majalah dalam talian adalah penting kerana ia memberikan status rasmi kepada majalah dalam talian sebagai penerbitan bersiri yang sah dan mematuhi piawaian penerbitan yang diiktiraf.

PERAKUAN PENDAFTARAN INTERNATIONAL STANDARD SERIAL NUMBER (e-ISSN)	
PENERBIT: (PUBLISHER)	PENERBIT UMT ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 21030 KUALA NERUS TERENGGANU TEL : 09-6684165/012-9054117 FAKS : PEMOHON : PN.NOR HAFIZAH BINTI ARIFFIN EMEL : fizah@umt.edu.my
JUDUL: (TITLE)	INSPIRASI - (ONLINE)
ALAMAT URL (URL ADDRESS)	https://ppal.umt.edu.my
NO. e-ISSN: (ISSN NO.)	3030-6256
BAHASA: (LANGUAGE)	BAHASA MALAYSIA
KEKERAPAN: (FREQUENCY)	DWITAHUNAN
TARIKH DAFTAR: (DATE REGISTER)	29 OGOS 2024

PERHATIAN:

1. Sekiranya terdapat perubahan judul, kekerapan, bahasa atau penerbitan ditamatkan, maklumkan kepada Pusat Kebangsaan ISSN, Perpustakaan Negara Malaysia.
2. Penerbit tertakluk di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), di mana setiap penerbit WAJIB membuat penyerahan setiap keluaran bahan yang dipohon iaitu sebanyak (1) naskah bagi setiap satu keluaran/volume/edisi/isu judul berkenaan dalam bentuk digital melalui Sistem Depositori tidak lewat dari satu (1) minggu dari tarikh penerbitannya kepada Timbalan Pengarah, Pusat Penyerahan Terbitan Negara, Aras 2, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia, 232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur. Kegagalan menyerahkannya boleh disabitkan dengan denda tidak melebihi RM 3,000.00 dan akan menyebabkan rekod bahan ini tidak dapat didaftarkan di Portal ISSN Antarabangsa.
3. Penerbit bertanggungjawab untuk memastikan penerbitan ini mematuhi Garis Panduan Penerbitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Surat ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan.



Program Pemantapan dan Pengurusan Pentadbiran PPAL Tahun 2024

Disediakan oleh:
Puan Faezah Haji Salleh

Program Pemantapan Pengurusan dan Pentadbiran PPAL Tahun 2024 ini telah diadakan pada 12 Ogos 2024 dan 13 Ogos 2024 di House Boat Kenyir bermatlamat memastikan kerja berpasukan yang mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi serta kata sepakat bukan sahaja dari pihak Pengurusan PPAL malah merangkumi seluruh Pentadbiran PPAL.

Hal ini kerana Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah menerima tugas dan amanah yang mencabar dari semasa ke semasa. Bagi memastikan amanah yang diberikan akan dilaksanakan dengan baik dan hasil tugas yang diberikan memenuhi KPI yang ditetapkan, maka satu perancangan yang teliti dan menyeluruh perlu diwujudkan dan ditambahbaik.



Sehubungan itu, program sebegini amat perlu dilakukan bagi menjayakan kerja berpasukan yang mampu meningkatkan kualiti sesebuah organisasi/ PTj bertujuan:

- Meningkatkan motivasi diri JK Pengurusan dan Penyelaras PPAL supaya menggandakan lagi usaha untuk membantu PPAL mencapai KPI dengan lebih cemerlang.
- Memantapkan jati diri dan daya saing JK Pengurusan dan Penyelaras PPAL dalam persekitaran yang kompetitif.
- Menyediakan aktiviti sihat kepada JK Pengurusan dan Penyelaras PPAL dalam menggalakan amalan dan gaya hidup sihat.
- Membangunkan sahsiah, kemahiran komunikasi dan kepimpinan JK Pengurusan dan Penyelaras PPAL agar mampu meningkatkan kualiti organisasi PPAL dan universiti khususnya serta kehendak masyarakat dan negara amnya.
- Memastikan JK Pengurusan dan Penyelaras PPAL faham akan hasrat kepimpinan UMT melalui PSUMT yang dibentangkan.



Program ini melibatkan 27 orang peserta terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pengurusan PPAL, penyelaras dan wakil jabatan, jemputan khas daripada PKCP serta urusetia program. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang dua hari program berlangsung melibatkan ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Dekan bertajuk "Hikmah dan Ibrah Kerja Berpasukan dan Perkaitannya dengan PSUMT PPAL" serta perbincangan serta pembentangan hasil dapatan dalam kumpulan berkenaan Strategi dan Pemantauan dalam Kerja Berpasukan. Selain itu, peserta turut berpeluang melakukan aktiviti di Sanctuary Kelah dan Jungle Trekking. Program diakhiri dengan sesi motivasi bersama Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) bertajuk "Mental Fizikal Sihat, Kerja Siap"

Pada akhir program, semua peserta terlibat bersetuju agar Hasil Utama Pengisian Program ini iaitu Laporan Perancangan P&P berasaskan PSUMT perlu dibentangkan oleh semua Ketua Jabatan dalam Mesyuarat JK Pengurusan akan datang dan ia akan didokumenkan sebagai sebahagian dari Gerak Kerja bagi Sesi P&P bagi 2024/2025 nanti.

**PELBAGAI AKTIVITI TELAH
DIJALANKAN SEPANJANG
DUA HARI PROGRAM
BERLANGSUNG
MELIBATKAN CERAMAH
YANG DISAMPAIKAN
OLEH YBHG. DEKAN**

Program Minggu Siswazah dan Penyelidikan PPAL 2024

Disediakan oleh:
Dr. Najihah Abdul Mutalib

Buat julung kalinya Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), Universiti Malaysia Terengganu telah menganjurkan Program Minggu Siswazah dan Penyelidikan PPAL bagi tahun 2024. Program ini berlangsung selama 5 hari iaitu bermula pada 18 Ogos 2024 dan berakhir pada 22 Ogos 2024. Program ini merupakan satu usaha daripada pihak pengurusan Siswazah PPAL untuk memberi pendedahan, galakan dan semangat kepada pelajar agar dapat menggiatkan usaha penulisan tesis dan artikel jurnal supaya mereka dapat bergraduasi dalam masa yang telah ditetapkan.

Pada masa yang sama, penganjuran program ini juga dapat memberi motivasi kepada para ahli akademik PPAL supaya menggiatkan penyelidikan dalam bidang masing-masing serta menghasilkan penulisan artikel berimpak tinggi. Program ini telah menggariskan beberapa objektif untuk dicapai antaranya ialah mendedahkan para pelajar siswazah tentang tatacara menulis artikel jurnal dan membantu kepada penulisan tesis masing-masing seterusnya mempercepatkan proses pembentangan proposal dan dapatan kajian pelajar. Selain itu, penganjuran program ini juga bertujuan untuk membantu para pelajar dan ahli akademik PPAL menerbitkan artikel jurnal SCOPUS/WOS dalam edisi "Special Issue" yang telah diusahakan oleh penganjur bersama pihak editorial Global Journal at-Thaqafah.



Sepanjang 5 hari program ini berlangsung, beberapa aktiviti telah dijalankan antaranya,

- Bengkel Penerbitan Artikel Jurnal Berimpak dan "Special Issue" bersama Editor-in-Chief, Global Journal at-Thaqafah (GJAT) Scopus/WOS, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perak iaitu Dato' Profesor Dr. Kamaruzzaman Bin Jusoff;
- Bengkel AI dan Plagiarism Checker dalam Penulisan Akademik yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr Azwa bin Abdul Aziz, Fakulti Informatik dan Komputeran, UNISZA;
- Bengkel "Bibliometric Analysis: Writing and Impactful Review Article" yang disampaikan oleh Dr. Farah Hussan Sahib, Pensyarah Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris, PPAL;
- Strategi dan Panduan Penerbitan Artikel Pascasiswazah oleh Dr. Nurul Hidayah Mat, Pensyarah Jabatan Bahasa dan Komunikasi, PPAL; dan
- Taklimat tentang Penulisan Tesis Format UMT telah disampaikan dan Cik Fatin Azmi, Pegawai Pusat Pengurusan Siswazah UMT.



UMT UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

MINGGU SISWAZAH & PENYELIDIKAN 2024
 PUSAT PENDIDIKAN ASAS & LANJUTAN
 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
20 OGOS 2024 (SELASA)

Dr. Farah Hussan Sahib ↙
 "Introduction to Bibliometric Analysis: Writing an Impactful Review Article"
 9.00AM-12.45PM
 Dewan Persidangan 3, UMTCC

Cik Fatin Athirah Azmi ↙
 "Panduan Penulisan Tesis Format UMT"
 2.30PM-3.30PM
 Online Webex

Dr. Nurul Hidayah Mat ↙
 "Taklimat Penerbitan Artikel Jurnal bagi Pelajar Siswazah"
 3.30PM-4.30PM
 Online Webex

Hasil daripada penganjuran Program Minggu Siswazah dan Penyelidikan PPAL 2024, seramai 10 orang pelajar siswazah peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah telah berjaya membentangkan proposal dan dapatan kajian masing-masing. Selain itu, sejumlah 11 artikel juga telah berjaya diterbitkan dalam Global Journal at-Thaqafah (Scopus/WOS) edisi "Special Issue" untuk bulan Disember 2024. Diharapkan agar penganjuran sebegini akan dapat dilaksanakan lagi pada tahun-tahun berikutnya.

Kemenangan the PPALerss dalam Pertandingan Dikir Barat UMT

Disediakan oleh:
Puan Rosnah Ahmad

Tahniah diucapkan kepada the PPALerss yang telah berjaya merangkul Naib Juara dalam Pertandingan Dikir Barat UMT yang bertemakan Semarak Jiwa Merdeka pada 12 September yang lalu ini. Kumpulan the PPALerss yang dianggotai oleh 12 orang peserta terdiri daripada warga akademik serta pentadbiran PPAL telah memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM500.00 manakala Puan Rosnah binti Ahmad telah diumumkan sebagai Tukang Karut Terbaik dan menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM50.00. Hadiah telah disampaikan oleh Naib Canselor UMT pada 18 September 2024 ketika Perhimpunan Warga sempena Bulan Kebangsaan 2024 peringkat UMT di Dewan Sultan Mizan.



Hari Sukan @ PPAL Tahun 2024

Disediakan oleh:
Puan Ainur Yushazmie Azaha

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah menganjurkan Hari Sukan PPAL yang melibatkan tiga acara iaitu pertandingan bola tampar pada 18 Julai 2024, pertandingan badminton pada 29 Julai 2024 dan kemuncaknya ada acara sukaneka pada 30 September 2024. Hari Sukan PPAL ini melibatkan semua warga PPAL dan PKCP yang telah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu Rumah Merah, Rumah Hijau, Rumah Kuning dan Rumah Biru.

Hari Sukan PPAL ini menjadi platform untuk menerapkan nilai-nilai seperti semangat kesukanan, toleransi, kerjasama, dan saling menghormati serta merapatkan hubungan dalam kalangan ahli fakulti yang berbeza latarbelakang serta dapat menyediakan ruang serta peluang kepada ahli fakulti untuk mengurangkan tekanan kerja.



Keputusan keseluruhan Sukan PPAL memperlihatkan rumah Kuning dinobatkan sebagai Kumpulan Paling Ceria (Tom Tom Bak), manakala rumah Merah dianugerahkan sebagai Kumpulan Top Gun. Rumah Biru telah memenangi anugerah Kumpulan Boria Terbaik dan Rumah Hijau telah diiktiraf sebagai Kumpulan Paling Kreatif (Macgyver). Pemain terbaik (kategori lelaki) pada Sukan PPAL 2024 telah dimenangi oleh En. Nor Afandy bin Hamid @ Hamad manakala bagi kategori Wanita dimenangi oleh Pn. Faezah binti Salleh.



Penganjuran Sukan PPAL ini telah membuahkan hasil yang positif apabila ahli fakulti dapat berinteraksi secara santai dan mengukuhkan silaturrahim antara staf dari pelbagai jabatan, serta meningkatkan rasa saling memahami antara satu sama lain, malah hubungan harmoni yang terbentuk melalui sukan ini dapat memotivasikan warga PPAL dan membantu dalam meningkatkan kepuasan bekerja.



Hari Inovasi PPAL 4.0: Membudayakan Inovasi Mentransformasi Institusi

Disediakan oleh:


Puan Husna Nurul Izzah Jamaludin@Noordin & Cik Suria Hani Ibrahim

Hari Inovasi PPAL 4.0 yang bertemakan “Membudayakan Inovasi, Mentransformasi Institusi” pada tahun 2024 telah dianjurkan oleh Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan dengan kerjasama Malaysian English Language Teaching Association (MELTA).

Pada tahun ini, empat kategori telah dipertandingkan iaitu Pioner Inovator (pelajar sekolah menengah/rendah), Star Inovator (pelajar peringkat universiti/kolej), Diamond Inovator (pensyarah dan guru), dan International Inovator.




Jawatankuasa Hari Inovasi PPAL 4.0 kali ini telah menyuntik elemen baharu di mana sebuah bicara webinar bertajuk Bicara Inovasi Penyelidikan: Langkah dan Tips Menggenggam Pingat Emas telah dianjurkan dengan jayanya. Program ini telah dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Webex bertujuan untuk menyediakan dan memperkasakan pengetahuan para peserta berkaitan penyertaan dalam pertandingan inovasi. Program bicara ini telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Fariza binti Khalid yang merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Para peserta telah didedahkan dengan langkah-langkah penting untuk menghasilkan inovasi yang berkualiti termasuk konsep asas inovasi, mengenal pasti intervensi yang sesuai, serta memahami tips dan strategi terbaik untuk menonjolkan hasil penyelidikan mereka khususnya bagi memikat hati para juri seterusnya memenangi pingat.



Secara keseluruhan, Hari Inovasi PPAL 4.0 telah menerima sebanyak 291 penyertaan daripada institusi-institusi di seluruh Malaysia. Majlis penutup dengan kemuncak acara iaitu pengumuman pemenang telah diadakan pada 23 Oktober 2024 secara lintas lansung melalui medium YouTube dengan mengenegahkan tema Artificial Intelligence (AI).



Penganjuran program seperti ini menunjukkan komitmen Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu dalam menyokong budaya inovasi di kalangan pelajar dan pendidik. Semoga program ini akan terus menjadi platform kesediaan dan kreativiti para inovator untuk berkongsi hasil inovasi yang dapat menyumbang kepada kepelbagaian kaedah, sistem penyampaian, dan meningkatkan produktiviti khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.



Virtual Culture, Language & Environment Programme 2024 (VCLEP 2024)

Prepared by:
Dr. Farah Hussan Sahib & Dr. Raihana Romly

The Virtual Culture, Language & Environment Program (VCLEP2024) was a two-day online event held from November 31, 2024, to December 1, 2024, hosted by the Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan (PPAL) at Universiti Malaysia Terengganu (UMT). The event aimed to continue the success of previous VCLEP editions, providing an opportunity for international participants to explore the rich cultural, linguistic, and environmental heritage of Malaysia. The program was designed to introduce participants to various aspects of Malaysian society, including its language, traditions, and biodiversity, while fostering international collaboration and networking.

VCLEP2024 had several key objectives that aligned with the university's broader mission of enhancing global academic cooperation and cultural exchange. The first objective was to share knowledge with international participants about Malaysia's unique culture, language, and environment. The program sought to provide a platform for the exchange of ideas and information, enhancing participants' understanding of Malaysia's cultural diversity and ecological significance.




A second key objective was to build and strengthen networks between UMT and international universities. The program aimed to increase the visibility of PPAL and UMT's commitment to offering quality educational experiences that extend beyond national boundaries. The event not only showcased UMT's academic offerings but also highlighted Malaysia's cultural and environmental richness, encouraging global interest in the university's programs and initiatives.

The VCLEP2024 was conducted entirely online over two full days, with each day running from 8:30 AM to 5:00 PM. The program was primarily delivered in English, with a special session dedicated to introducing the Malay language. The event was designed to be interactive, with lectures, discussions, and group activities that allowed participants to actively engage with the content.



The program targeted 50 participants from various international universities, including those with established partnerships with UMT, as well as those with no formal ties. The goal was to create a diverse group of participants, enriching the learning experience through the exchange of different perspectives. To facilitate the virtual environment, sessions were conducted using online platforms that allowed for real-time interactions, ensuring a seamless learning experience for all attendees.

The program featured a variety of sessions, each focusing on one of the core themes: Malaysian culture, the Malay language, and the country's biodiversity. These sessions were designed to offer participants a comprehensive understanding of the topics, combining theoretical knowledge with practical insights. Some of the program conducted were: To Know is to Love Malaysia, Come Learn Malay Language, Introduction to Terengganu Biodiversity, Outcomes and Impact, Terengganu Virtual Tour, Insight to Malaysian Culture and Traditional Malay Folk Dance: Tarian Sarawak.



Overall, VCLEP2024 was a highly successful program that met its objectives of knowledge exchange, cultural understanding, and international networking. Participants expressed appreciation for the content, which provided valuable insights into Malaysia's cultural and environmental heritage. The online format allowed participants from different parts of the world to engage with the material, resulting in a rich exchange of ideas and perspectives.

The program also successfully introduced participants to the Malay language, enhancing their ability to communicate in a Malaysian context. The discussions on biodiversity sparked interest in collaborative research, with several participants expressing a desire to explore environmental issues further in their academic work. Furthermore, the event fostered new relationships between UMT and various international institutions, paving the way for future academic partnerships and research initiatives. VCLEP2024 provided a meaningful platform for international participants to explore the cultural, linguistic, and environmental richness of Malaysia. As the world becomes more interconnected, programs like VCLEP are crucial in building understanding and cooperation across borders. The success of VCLEP2024 is a testament to the potential of virtual platforms in facilitating meaningful international exchange and laying the groundwork for future academic partnerships.

UMT Terima Pengiktirafan Distinguished Partnership – Higher Learning Institutions

Disediakan oleh:

Cik Zainebbeevi Kamalbacha & Encik Akbar Ali Abd Kadir

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melakar sejarah gemilang apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Distinguished Partnership – Higher Learning Institutions sempena Anugerah Kolaborasi AKPK 2023/2024, yang berlangsung pada 5 Disember 2024 Auditorium, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Pengiktirafan ini adalah hasil usaha gigih Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan terutamanya pensyarah keusahawanan di Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan (JIDK). Melalui kerjasama erat dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), UMT telah melaksanakan pelbagai inisiatif inovatif yang bertujuan meningkatkan literasi kewangan serta memupuk tingkah laku kewangan yang bijak dalam kalangan pelajar.

Kerjasama strategik ini telah berjaya menghasilkan pelbagai program dan inovasi bermakna yang memberi manfaat besar kepada pelajar UMT, antaranya :

- Kursus Asas Pengurusan Kewangan, yang memberikan panduan praktikal kepada pelajar dalam menguruskan kewangan secara berkesan.
- Aplikasi MyBijakNiaga, platform digital interaktif yang membantu pelajar memahami aspek kewangan dan perniagaan.
- Program Jelajah Bijak Wang dan Kembara Bijak Wang, program interaktif yang melibatkan pelajar secara langsung dalam simulasi dan aktiviti pendidikan kewangan.





Kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan komitmen teguh daripada pihak pengurusan UMT. Usaha kolektif ini mencerminkan keazaman UMT untuk menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan berkualiti melalui pendidikan kewangan yang menyeluruh dan mampan.

Penganugerahan ini bukan sahaja mengiktiraf usaha keras UMT tetapi juga mengukuhkan kedudukan universiti ini sebagai institusi yang komited terhadap pembangunan pelajar yang celik kewangan dan berdaya saing. Selain itu, ia mencerminkan kepercayaan yang tinggi daripada rakan strategik seperti AKPK terhadap keupayaan UMT dalam melaksanakan program-program yang memberi impak besar.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga UMT atas pencapaian membanggakan ini. Pengiktirafan Distinguished Partnership – Higher Learning Institutions menjadi bukti kukuh bahawa UMT berada di landasan yang tepat untuk terus menyumbang kepada pembangunan ilmu dan modal insan yang cemerlang. Diharapkan kerjasama strategik ini akan terus diperkukuhkan demi melahirkan generasi yang lebih celik kewangan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa depan.



Simposium Pendidikan dan Ketamadunan (SPK2024)

Disediakan oleh:

Dr. Nur Jannah Jamil & Dr. Ismar Liza Mahani Ismail

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) telah menganjurkan Simposium Pendidikan dan Ketamadunan (SPK 2024) pada 16 Disember 2024 bertempat di Pusat Islam Sultan Mahmud, Universiti Malaysia Terengganu. Penganjuran simposium ini merupakan salah satu aktiviti di bawah MoU UMT bersama Universitas Islam Negeri Ar-Raniry (UINAR) Banda Aceh yang telah dimeterai pada 2hb Oktober 2023. Tema yang diangkat pada SPK 2024 ini ialah 'Dialog Intelektual Merentas Disiplin', manakala sub-bidang simposium pula bertepatan dengan bidang-bidang yang menjadi tujahan PPAL iaitu ketamadunan dan peradaban, komunikasi dan bahasa, pendidikan dan agama.

SPK 2024 telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Prof Dr. Asyraf bin Hj Ab Rahman. Manakala, ucap-tama yang bertajuk 'Dialog Intelektual Merentas Disiplin Keluarga Dalam Membangun Tamadun dan Peradaban Umat (Analisis Deskriptif Psikologi, Sosiologi, Antropologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Agama)' telah disampaikan oleh Prof. Dr. Kusmawati Hatta, Dekan, Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry (UINAR), Aceh, Indonesia.

Penyertaan SPK 2024 secara keseluruhannya melibatkan 25 orang pembentang kertas kerja terdiri daripada 12 orang pembentang jemputan iaitu lima orang pensyarah daripada PPAL; dan tujuh orang pensyarah daripada UINAR. Baki 13 orang merupakan penyertaan pelajar pascasiswazah terdiri daripada sembilan orang pelajar pascasiswazah PPAL UMT; dan empat orang daripada pelajar pascasiswazah UINAR.





Penganjuran SPK 2024 telah mewujudkan hubungan erat antara PPAL dan rakan kerjasama strategik dalam aktiviti penyelidikan penerbitan dan pelajar siswazah dalam jangka masa panjang; memperkenalkan dan mengukuhkan imej cemerlang PPAL dan rakan kerjasama strategik dalam kalangan pembentang dan peserta simposium serta menyerlah peranan PPAL dalam menyuburkan aktiviti akademik sebagai satu usaha berterusan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah hub pendidikan serantau.

Ibrah Tsunami: Program Komuniti bersama Warga MTT

Disediakan oleh:

Puan Hafizah Ab Hamid & Puan Alyani Ayub

Pada 17 Disember 2024, seramai 8 orang ahli akademik Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) yang diketuai oleh Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan) Dr. Abdul Hanis Embong bersama 17 orang delegasi akademik dari Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry Banda Aceh, Indonesia yang diketuai oleh Profesor Dr. Kusmawati, Dekan Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry telah mengadakan Program Komuniti di Maahad Tahfiz wal Tarbiyyah Darul Iman (MTT) di Tok Jiring, Kuala Nerus, Terengganu.

Kunjungan warga akademik PPAL dan UIN Ar-Raniry ini telah disambut meriah oleh pihak MTT yang diketuai oleh Ustaz Haji Muhaizar Kamal bin Mustapha Kamal, Mudir MTT serta Ustaz Dr. Mohd Hamdan bin Mohamed yang juga Pengerusi Yayasan Kebajikan dan Pembangunan Pendidikan Negeri Terengganu (YAKEP).



Program dimulakan dengan pengenalan latar belakang serta visi MTT. Prof. Dr. Kusmawati kemudiannya memperkenalkan Universitas Islam Negeri (UIN) Ar-Raniry. Program diteruskan dengan perkongsian ibrah tsunami Aceh 2004 oleh delegasi UIN Ar-Raniry. Sesi perkongsian bermakna tersebut turut dihadiri oleh penuntut MTT. Pensyarah UIN Ar-Raniry, Dr. Sabirin dan Dr. Sakdiah, berkongsi pengalaman masing-masing sebagai mangsa tragedi tsunami dan pengajaran yang diperolehi daripada tragedi tersebut. Prof. Dr. Kusmawati yang juga merupakan seorang kaunselor pula mendedahkan proses perkembangan sosioekonomi Aceh selepas tsunami membadaui wilayah tersebut. Sesi soaljawab turut diadakan ketika perkongsian tersebut berlangsung.

Kesimpulannya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ibrah (pengajaran) daripada peristiwa tsunami Aceh sebagai satu peringatan penting dalam sejarah dan menjadikan Aceh yang bangkit pasca tsunami dari segi sosioekonomi sebagai model inspirasi bagi komuniti lain dalam menangani krisis dan cabaran besar.

AKTIVITI JABATAN



Program Jalinan UMT dan Sekolah: Pemantapan Komunikasi Bahasa Asing

Disediakan oleh:
Dr. Nurul Ain Chua Abdullah

Jabatan Bahasa dan Komunikasi bersama RIG 2 dan RIG 7 telah menganjurkan program Jalinan UMT dan Sekolah berfokuskan kepada Pemantapan Komunikasi Bahasa Asing. Program ini telah diadakan pada 2 Julai 2024 melibatkan 31 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Seberang Takir dan pada 3 Julai 2024 pula melibatkan 30 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Tok Jiring bertempat di Universiti Malaysia Terengganu Kuala Nerus, Terengganu.

Program ini secara amnya bertujuan membina kolaborasi akademik dan memperkasa hubungan komuniti bersama UMT serta secara khususnya, ia menyediakan pengalaman pembelajaran yang interaktif, selain mengasah kemahiran bahasa terutama kebolehan komunikasi lisan dalam bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris.

Aktiviti yang dijalankan telah menilai kemajuan pelajar dalam komunikasi bahasa Cina dan Inggeris. Pelajar menunjukkan perkembangan positif, menjawab soalan dengan suara yang jelas dan tanpa banyak kesilapan serta lebih berani untuk berbicara di hadapan kelas. Hasilnya, pelajar semakin fasih berbicara dalam bahasa Mandarin menggunakan ayat yang diajar, menandakan peningkatan dalam kemahiran komunikasi mereka manakala, dalam bahasa Inggeris, pelajar menunjukkan peningkatan dalam tatabahasa dan penggunaan frasa yang betul. Mereka juga lebih kerap menggunakan perbendaharaan kata tambahan. Penekanan pada latihan lisan dan interaksi aktif dalam program mungkin merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kemajuan ini.



Beberapa langkah dicadangkan dalam usaha untuk terus meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar pada masa akan datang, seperti:

1. Latihan Interaktif: Mengadakan lebih banyak sesi latihan yang melibatkan interaksi dua hala antara pelajar dan guru.
2. Pembelajaran Berasaskan Projek: Memberikan projek yang memerlukan pelajar menggunakan kedua-dua bahasa dalam konteks sebenar.
3. Penggunaan Teknologi: Menggunakan aplikasi pembelajaran bahasa untuk memberi pelajar peluang berlatih di luar kelas.
4. Dengan terus menilai dan menyesuaikan pendekatan pembelajaran, kita dapat memastikan pelajar terus berkembang dan menjadi pengguna bahasa yang lebih mahir.

Kolokium Antarabangsa Pengajian Melayu (KAPM 2024)

Disediakan oleh:

Dr. Roswati Abdul Rashid & Dr. Mazlina Ahmad

Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Fatoni, Thailand telah menganjurkan Kolokium Antarabangsa Pengajian Melayu (KAPM2024) pada 10 September 2024 di Dewan Persidangan, UMTCC. Program ini telah melibatkan 26 pembentangan kertas kerja oleh ahli akademik dari pelbagai negara iaitu Malaysia, China, Brunei dan Thailand dan dihadiri oleh 200 peserta dalam kalangan pensyarah, guru sekolah, pegawai DBP dan para pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

Penganjuran kolokium ini merupakan satu inisiatif dalam menyokong Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2025-2030 bertujuan menjalinkan kerjasama pendidikan, penyelidikan dan penerbitan dengan universiti luar dan agensi luar negara dalam bidang pengajian Melayu. Tema yang diangkat dalam kolokium ini ialah 'Memartabatkan Pengajian Melayu di Persada Antarabangsa' dengan menengahkan empat sub tema iaitu Martabat Pengajian Melayu di Peringkat Antarabangsa, Memartabatkan Pengajian Melayu Melalui Terjemahan, Memartabatkan Pengajian Melayu Melalui Penyelidikan dan Memartabat Bahasa Melayu: Integrasi Ilmu dengan Bahasa Asing.





KAPM2024 telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd. Izani bin Mohd Zain, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT dan YB Senator Profesor Emeritus Datuk Seri Dr. Awang Sariyan telah menyampaikan ucap-tama yang bertajuk 'Memaju Pengajian Melayu dalam Mendepati Dunia Global'. Laporan resolusi turut dicapai di mana kerjasama dua hala antara negara serumpun perlu diperkukuhkan lagi dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu seterusnya melestarikan bahasa Melayu dalam kalangan negara ASEAN.

Ahli akademik dan penggiat bahasa Melayu dari pelbagai IPT diharapkan giat memberi sumbangan kepakaran secara aktif dalam bidang pengajian Melayu seterusnya dijelmakan dalam bentuk penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan pembelajaran pengajian Melayu sebagai panduan dalam usaha untuk melestarikan bahasa Melayu serta usaha mempromosi program Pengajian Melayu di Malaysia ke luar negaradan diperluaskan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Program "Tahsin al-Quran" bersama Warga Surau al-Ikhlas

Disediakan oleh:

Dr. Aisyah binti Dollah @ Abdullah

Program "Tahsin al-Quran" anjuran Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan (JKK) dengan kerjasama RIG6 dan RIG7 telah dilaksanakan pada 13 Julai 2024 bertempat di Surau al-Ikhlas, Kampung Gong Awang Lib. Program ini disertai oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada ahli kariah surau tersebut.

Penceramah jemputan adalah Dr. Abdul Hanis Embong dan Dr. Aisyah binti Dollah@Abdullah, Dr. Abdul Hanis memulakan sesi dengan membincangkan ilmu Tahsin al-Quran, termasuk makhraj, sifat huruf, dan talaqqi Surah al-Fatihah diikuti oleh Dr. Aisyah yang menyampaikan perkongsian mengenai asas ilmu tajwid dan talaqqi Surah al-Ikhlas. Para peserta kemudiannya dibahagikan kepada dua kumpulan untuk menjalani sesi talaqqi bersama penceramah. Melalui pendekatan ini, peserta berpeluang menyemak dan memperbaiki bacaan mereka secara langsung, selain memahami kesalahan biasa yang sering dilakukan dalam bacaan al-Quran.



Program ini bertujuan memberi pendedahan mendalam mengenai kepentingan bacaan al-Quran yang tepat serta tadabbur makna ayat-ayat suci. Peserta juga didedahkan kepada kaedah yang betul dalam menyebut makhraj dan sifat huruf, di samping mempelajari asas ilmu tajwid. Program telah berjaya mencapai matlamatnya. Peserta meluahkan rasa puas hati kerana memperoleh panduan yang jelas untuk meningkatkan kualiti bacaan mereka. Usaha ini diharapkan dapat menyemarakkan budaya al-Quran di kalangan masyarakat setempat serta meningkatkan kualiti kehidupan spiritual komuniti Kampung Gong Awang Lib.



Semangat Kemerdekaan Melalui Program “Malaysia Madani: Jiwa Merdeka”

Disediakan oleh:

Dr. Aisyah binti Dollah @ Abdullah

Sempena sambutan kemerdekaan dan sambutan Hari Malaysia pada tahun ini, Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan bersama Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu Kuala Berang telah menganjurkan program “Malaysia Madani: Jiwa Merdeka” pada 25 Ogos 2024 bertempat di Dewan Persidangan 1, UMTCC sebagai medium untuk menghayati erti sebenar kemerdekaan bersama-sama bagi menaikkan lagi semangat cinta akan tanah air dalam diri masing-masing. Program ini berlangsung dengan jayanya melibatkan penyertaan seramai 80 orang pelajar dan 20 guru pengiring. Ceramah sempena tema kemerdekaan Malaysia tahun 2024 bertajuk “Malaysia Madani: Jiwa Merdeka” disampaikan oleh Encik Syahrin bin Said. Para peserta telah diberi pencerahan berharga tentang sejarah tanah air dan nilai kemerdekaan yang sebenar. Bukan sekadar ceramah, program ini turut memperkenalkan suasana pembelajaran abad ke-21 (PAK21) kepada para pelajar, yang menggabungkan teknologi dan komunikasi. Usaha ini bertujuan memupuk rasa ingin tahu dan memberikan motivasi kepada pelajar untuk berusaha melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.



Selain itu, rombongan pelajar turut dibawa melawat Galeri Penyelidikan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT. Pameran interaktif yang disediakan memberikan pengalaman unik yang mampu meningkatkan kreativiti dan inovasi pelajar, selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Penganjuran program kali kedua ini telah berjaya mencapai objektifnya hasil komitmen semua pihak yang terlibat. Semangat patriotisme dan cinta tanah air yang dipupuk melalui program ini diharap dapat diteruskan pada masa depan. Dengan jati diri yang kukuh dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelektual, generasi muda Terengganu diyakini mampu menjadi pemimpin berwibawa yang mencintai negara.

Promoting 3R Practices Through The 'Earth Savers' Program

Prepared By:
Mrs. Norliawati Mohd Sidek

